

# Bakal pewaris tampuk kepimpinan negara

▶ 32 pelajar UMS terima watakah pelantikan MPP

UB 20.12.2017 B4

**S**ERAMAI 32 pelajar Universiti Malaysia Sabah (UMS) menerima sijil watakah pelantikan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) sesi 2017/2018 di Galeri Majlis UMS pada Isnin.

Naib Canselor UMS Profesor Datuk D Kamarudin D Mudin berkata, pemilihan MPP yang diadakan secara demokrasi pada Oktober lalu adalah satu pilihan yang terbaik oleh pelajar UMS dalam menentukan pemimpin yang berkaliber dan layak bersuara bagi mewakili pihak siswa siswi. "MPP adalah satu entiti

yang sangat penting di UMS kerana mereka mempunyai peranan dan fungsi yang besar serta penting bagi menyalurkan suara siswa siswi UMS kepada pihak pengurusan UMS," katanya.

Beliau berkata, MPP juga berfungsi dalam merangka serta menyusun pelbagai strategi dan aktiviti program kemahasiswaan yang bertujuan membangun sahsiah pelajar serta memberi pendedahan



**PRESIDEN MPP UMS 2017/2018 Jusman Nali (kiri) menerima watakah pelantikan daripada Kamarudin.**

“Barisan MPP sesi 2017/2018 yang telah terpilih ini merupakan barisan yang terbaik di antara ribuan pelajar UMS untuk memimpin rakan-rakan seperjuangan di universiti, saya percaya suatu hari nanti anda bakal menjadi pewaris tampuk pimpinan negara pada masa akan datang.”

**PROFESOR DATUK DR D KAMARUDIN D MUDIN**  
Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS)

kepada pelajar mengenai fungsi dan peranan masing-masing kepada masyarakat, bangsa dan negara.

“Barisan MPP sesi 2017/2018 yang telah terpilih ini merupakan barisan yang terbaik di antara ribuan pelajar UMS untuk memimpin rakan-rakan seperjuangan di universiti, saya percaya suatu hari nanti anda bakal menjadi pewaris tampuk pimpinan negara pada masa akan datang,”



**JUSMAN (tengah) mengetuai bacaan ikrar bersama barisan MPP UMS yang baharu.**

katanya.

Kamarudin juga menasihatkan agar barisan MPP sentiasa mengamalkan DSII iaitu *Dynamic, Sustainable, Integrity, Justice* dalam menjalankan amanah yang diberikan.

Terdahulu, Presiden MPP UMS 2017/2018 Jusman Nali memberitahu

beliau dan rakan seperjuangannya bercadang untuk mengadakan Konvensyen De Borneo pada bulan April 2018, yang mana akan menghimpunkan semua pemimpin mahasiswa di negeri Sabah dan Sarawak. “Kami di barisan MPP mohon dorongan serta sokongan daripada pihak

pengurusan UMS untuk menjayakan konvensyen ini,” katanya.

Barisan MPP UMS 2017/2018 diwakili oleh 24 perwakilan kampus induk Kota Kinabalu, tiga orang daripada Fakulti Pertanian Lestari Sandakan dan lima orang dari Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan.



**KAMARUDIN (duduk, enam dari kanan) bersama pegawai kanan universiti dan barisan MPP UMS yang baharu menggayakan tagline ‘Soaring Upwards’.**